

Ketua jabatan nafi 3 tuduhan rasuah RM5k

Johor Bahru: Seorang ketua jabatan di sebuah kolej matriculasi dekat Tangkak dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga tuduhan menerima rasuah berjumlah RM5,000, lima tahun lalu.

Tertuduh, Azman Abdul Rahman, 54, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Bagi pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh yang juga Ketua Jabatan Pengurusan Pelajar di Kolej Matriculasi Johor (KMJ) didakwa menerima suapan keseluruhan secara tunai bernilai RM4,000 daripada pemilik sebuah pusat sukan.

Perbuatan berkenaan sebagai balasan mendapatkan kerja penyelenggaraan alatan sukan bagi persediaan dan kegunaan pelajar serta membekal pakaian Kontinjen KAKOM KMJ 2017 dalam

Karnival Kokurikulum Matriculasi (KAKOM) di pejabatnya pada Julai dan 12 September 2017.

Bagi perbuatan itu, lelaki terbabit didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Manakala, bagi pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa menerima suapan bernilai RM1,000 melalui transaksi ke akaun bank milik-

nya daripada seorang pengurus besar sebuah syarikat pembersihan yang mana tertuduh tahu ia mempunyai kaitan dengan tugas rasminya di sebuah bank di Pagoh, Muar, pada 22 Ogos 2017.

Dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahannya.



AZMAN (kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas tiga tuduhan menerima rasuah, lima tahun lalu.